

**PERGARUH PEDAGOGI GURU, SIKAP PELAJAR
DAN TEKNOLOGI MAKLUMAT KOMUNIASI
TERHADAP MOTIVASI BELAJAR**

PERPUSTAKAAN
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH



NORISAH SAMUTU

UMS
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

**FAKULTI PSIKOLOGI DAN PENDIDIKAN
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH
2017**

**PENGARUH PEDAGOGI GURU, SIKAP PELAJAR
DAN TEKNOLOGI MAKLUMAT KOMUNIKASI
TERHADAP MOTIVASI BELAJAR**

NORISAH SAMUTU



PERPUSTAKAAN
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

UMS

**TESIS INI DIKEMUKAKAN UNTUK MEMENUHI
SYARAT MEMPEROLEHI IJAZAH DOKTOR
FALSAFAH**

**FAKULTI PSIKOLOGI DAN PENDIDIKAN
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH
2017**

UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

BORANG PENGESAHAN STATUS TESIS

JUDUL: **PENGARUH PEDAGOGI GURU, SIKAP PELAJAR DAN TEKNOLOGI MAKLUMAT KOMUNIKASI TERHADAP MOTIVASI BELAJAR**

IJAZAH: **DOKTOR FALSAFAH (KURIKULUM DAN PENGAJARAN)**

Saya **NORISAH SAMUTU**, Sesi **2013-2017**, mengaku membenarkan tesis Doktoral ini disimpan di Perpustakaan Universiti Malaysia Sabah dengan syarat-syarat kegunaan seperti berikut:-

1. Tesis ini adalah hak milik Universiti Malaysia Sabah
2. Perpustakaan Universiti Malaysia Sabah dibenarkan membuat salinan untuk tujuan pengajian sahaja.
3. Perpustakaan dibenarkan membuat salinan tesis ini sebagai bahan pertukaran antara institusi pengajian tinggi.
4. Sila tandakan (/):

SULIT

(Mengandungi maklumat yang berdarjah keselamatan atau kepentingan Malaysia seperti yang termaktub di dalam AKTA RAHSIA 1972)

TERHAD

(Mengandungi maklumat TERHAD yang telah ditentukan oleh organisasi/badan di mana penyelidikan dijalankan)

TIDAK TERHAD



NORISAH SAMUTU
DT1311007T


Disahkan Oleh,

NURULAIN BINTI ISMAIL

LIBRARIAN

UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

(Tandatangan Pustakawan)



PROF MADYA DR SABARIAH SHARIF
(Prof. Madya Dr. Sabariah Sharif)


Penyarah Kanan
Penyelia
Fakulti Psikologi Dan Pendidikan
Universiti Malaysia Sabah

Tarikh : 11 Oktober 2017

PENGAKUAN

Karya ini adalah hasil kerja saya sendiri kecuali nukilan, ringkasan dan rujukan yang tiap-tiap satunya telah saya jelaskan sumbernya.

25 September 2017



Norisah Samutu
DT1311007T



UMS
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

PENGESAHAN

NAMA : **NORISAH SAMUTU**
NO. MATRIK : **DT1311007T**
TAJUK : **PERGARUH PEDAGOGI GURU, SIKAP PELAJAR DAN
TEKNOLOGI MAKLUMAT KOMUNIASI TERHADAP
MOTIVASI BELAJAR**
IJAZAH : **DOKTOR FALSAFAH (KURIKULUM DAN PENGAJARAN)**
TARIKH VIVA : **19 SEPTEMBER 2017**


PENYELIA
Prof. Madya Dr. Sabariah Sharif



DISAHKAN OLEH;

UMS
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

Tandatangan


PROF MADYA DR SABARIAH SHARIF
Pensvarah Kanan
Fakulti Psikologi Dan Pendidikan
Universiti Malaysia Sabah

PENGHARGAAN

Segala pujian dan kebesaran hanyalah untuk ALLAH SWT. yang telah melimpahkan rahmat dan hidayah yang tiada terhingga kepada penyelidik sehingga dapat menyempurnakan penyelidikan walaupun menghadapi pelbagai rintangan. Rasa penuh kesyukuran dipanjatkan kepada yang maha ESA dengan nikmat kesihatan dan tenaga yang diberikan sehingga penyelidik dapat menyempurnakan penyelidikan dalam jangka masa yang telah dirancangan. Penyelidik juga ingin merakamkan perasaan bangga dan terharu kepada insan-insan yang terus memberi semangat bagi menyempurnakan penyelidikan yang sedemikian rupa.

Berkat kesabaran, ketabahan dan komitmen yang ada akhirnya tesis ini dapat disempurnakan oleh penyelidik. Kejayaan menyempurnakan kajian ini adalah hasil bimbingan dan tunjuk ajar daripada pelbagai pihak. Penyelidik mengambil kesempatan untuk merakamkan jutaan terima kasih dan setinggi penghargaan kepada Prof. Madya Dr. Sabariah Sharif (Penyelia) Universiti Malaysia Sabah atas bimbingan dan tunjuk ajar yang diberikan sehingga penyelidik berjaya menyempurnakan penulisan kajian ini.

Setinggi penghargaan juga diucapkan kepada Prof. Madya Dr. Maria Salih (Universiti Perguruan Sultan Idris), Prof. Madya Dr. Lay Yoon Fah (Universiti Malaysia Sabah) dan Prof. Madya Dr. Muhamad Suhaimi Taat (Universiti Malaysia Sabah) atas pandangan dan komen yang diberikan sebagai nilai tambah dalam kajian ini. Terima kasih juga kepada Prof. Dr. Zainudin Awang (Universiti Sultan Zainal Abidin) atas bimbingan, Dr. Norina Kanyo (Universiti Malaysia Sabah) dan Dr. Usang Anak Ngrambang (Pegawai Pejabat Pendidikan Daerah Limbang) atas kesudian menyemak soal selidik bagi tujuan kesahan kandungan berdasarkan kepakaran masing-masing. Tidak lupa juga ucapan terima kasih ditujukan kepada Prof. Dato Dr. Harun Abdullah (Naib Canselor Universiti Malaysia Sabah) dan Prof. Dr. Rasid Mail (Dekan Pascasiswazah) dan Prof. Madya Dr. Mohd. Dahlan Hj. A. Malek (Dekan Fakulti Psikologi dan Pendidikan) dan kakitangan Pusat Pengajian Pascasiswazah atas bantuan berkaitan dengan nilai tambah dalam menjalankan kajian.

Tidak ketinggalan juga ucapan terima kasih kepada YB N50 Lahad Datu, Dato Haji Mohd Yusof Haji Mohd. Apdal dan Tn. Haji Hamid Haji Mohd. Apdal atas tajaan pengajian, Jabatan Pelajaran Sabah dan pengetua sekolah atas kebenaran menjalankan kajian di sekolah dan pelajar yang terlibat sebagai responden kajian. Terima kasih juga kepada Cik Norita Jubit, Cik Suhaileyzai Muhamad Sakri dan Pn. Norhafizah Mat Jilin yang banyak membantu penyelidik dalam masa menjalankan kajian ini. Pengkaji juga amat menghargai jasa dan titipan doa restu daripada insan istimewa Tn. Haji Samutu Haji Basanu dan adik-adik Zainah, Mohd Fuad, Widayati dan Mohd Hanif serta ahli keluarga yang memberikan sokongan moral. Kajian ini juga dedikasikan untuk insan tercinta dan kebanggaan Allahyarham suami Dr. Haji Abdul Jawi Abnoh Sawi dan bonda tersayang Allayarhama Hajjah Bongliah Haji Lulluk. Akhir sekali segala pujian dan kebesaran adalah hak ALLAH SWT. dan segala kekurangan dan kesilapan datang daripada penyelidik. Wassalam.

Norisah Samutu
25 September 2017

ABSTRAK

Tumpuan kajian mengenal pasti pengaruh pedagogi guru, sikap pelajar dan teknologi maklumat komunikasi terhadap motivasi belajar. Kaedah kajian melibatkan sampel kajian sebanyak 361 orang pelajar di sekolah menengah bandar di Sabah. Instrumen digunakan ialah soal selidik yang dibahagikan kepada ciri demografi, skala pedagogi guru, skala sikap pelajar, skala teknologi maklumat komunikasi dan skala motivasi belajar. Data dianalisis menggunakan perisian *SPSS for window* Versi 21 dan *AMOS 21*. Analisis skor min dan analisis univariat (Ujian-*t*, *ANOVA*) digunakan bagi menguji hipotesis kajian pada aras signifikan $p < .05$. Keputusan analisis menunjukkan tahap pedagogi guru dan teknologi maklumat komunikasi di tahap memuaskan sementara sikap pelajar dan motivasi belajar di tahap amat memuaskan. Keputusan analisis juga menunjukkan terdapat perbezaan skor min pedagogi guru, sikap pelajar dan teknologi maklumat komunikasi terhadap motivasi belajar berdasarkan ciri demografi yang difokuskan. Keputusan analisis regresi (*Amos*) menunjukkan terdapat pengaruh positif elemen pedagogi guru melibatkan strategi pengajaran dan alat bantu mengajar ($R^2 = 0.28$), elemen sikap pelajar melibatkan diri pelajar, rakan dan persekitaran ($R^2 = 0.34$), elemen teknologi maklumat komunikasi melibatkan komputer dan internet ($R^2 = 0.19$) terhadap motivasi belajar. Selain itu, keputusan analisis regresi menunjukkan pedagogi guru, sikap pelajar dan teknologi maklumat komunikasi mempunyai pengaruh yang positif terhadap motivasi belajar ($R^2 = 0.45$). Analisis regresi model persamaan struktur (*SEM*) juga menunjukkan data yang digunakan dalam kajian ini mempunyai penyesuaian bagi model yang dicadangkan. Justeru membuktikan ketiga-tiga variabel bebas tersebut mempunyai pengaruh terhadap variabel bersandar kajian iaitu motivasi belajar. Oleh itu bagi merealisasikan sekolah sebagai pusat pendidikan, pelbagai perbezaan ciri demografi sampel kajian tidak harus dipinggirkan kerana bertindak sebagai pelaksana dalam motivasi belajar di samping turut melihat kepentingan pedagogi guru, sikap pelajar dan teknologi maklumat komunikasi sebagai faktor yang mampu menyumbang pengaruh terhadap motivasi belajar di sekolah menengah bandar di Sabah.

ABSTRACT

INFLUENCE OF TEACHER'S PEDAGOGY, STUDENT'S ATTITUDE AND COMMUNICATION INFORMATION TECHNOLOGY TOWARDS LEARNING MOTIVATION

The focus of the study identifies the influence of teacher pedagogy, student attitude and information communication technology on learning motivation. The research method involves a sample of 361 students in the secondary school in Sabah. Instruments used were questionnaires divided into demographic characteristics, teacher pedagogy scale, student attitude scale, communication information technology scale and learning motivation scale. The data were analyzed using the SPSS for windows Version 21 and AMOS 21 software. The mean score analysis and univariate analysis (T-test, ANOVA) were used to test the hypothesis of the study at significant level $p < .05$. The results of the analysis show the level of teacher pedagogy and communication information technology are at a satisfactory level while students' attitudes and motivation learn at a very satisfactory level. The results of the analysis also show that there is a difference in the mean score of teacher pedagogy, student's attitude and information communication technology on learning motivation based on the focused demographic characteristics. The results of the regression analysis (Amos) showed that there was a positive influence of teachers pedagogical element involving teaching strategies and teaching aids ($R^2 = 0.28$), the element of the student's attitude involving student, friends and environment ($R^2 = 0.34$), communication information technology involving computer and internet element ($R^2 = 0.19$) towards learning motivation. In addition, the results of regression analysis showed that teacher pedagogy, student's attitude, and communication information technology had a positive influence on student's learning motivation ($R^2 = 0.45$). The regression analysis of the structural equation model (SEM) also shows that the data used in this study has been adjusted for the proposed model. Hence, proving that the three independent variables have the effect on the dependent variable of the study ie the learning motivation. Therefore, in order to realize the school as a center of education, the various demographic characteristics of the study sample should not be marginalized as acting as an implementer in learning motivation while also looking at the importance of teacher pedagogy, student attitude and information communication technology as a factor that can contribute to the motivation of learning at school medium-sized cities in Sabah.

ISI KANDUNGAN

	Halaman
TAJUK	i
PENGAKUAN	ii
PENGESAHAN	iii
PENGHARGAAN	vi
ABSTRAK	v
<i>ABSTRACT</i>	vi
SENARAI KANDUNGAN	vii
SENARAI JADUAL	xiii
SENARAI RAJAH	xvi
SENARAI SINGKATAN	xvii
SENARAI LAMPIRAN	xviii
BAB 1: PENDAHULUAN	1
1.1 Pengenalan	1
1.2 Latar Belakang Kajian	2
1.3 Pernyataan Masalah	9
1.4 Objektif Kajian	14
1.5 Soalan Kajian	15
1.6 Hipotesis Kajian	15
1.7 Kepentingan Kajian	16
1.8 Batasan Kajian	20
1.9 Definisi Operasional	22
1.9.1 Pedagogi Guru	22
1.9.2 Sikap Pelajar	23
1.9.3 Teknologi Maklumat Komunikasi	24
1.9.4 Motivasi Belajar	25

1.10	Rumusan	27
BAB 2: TINJAUAN LITERATUR		28
2.1	Pengenalan	28
2.2	Teori Kajian	28
2.2.1	Teori Motivasi Belajar	28
2.2.2	Teori Pedagogi Guru	31
2.2.3	Teori Sikap Pelajar	34
2.2.4	Teori Teknologi Maklumat Komunikasi	37
2.3	Model Kajian	39
2.3.1	Model Motivasi Belajar	39
2.3.2	Model Pedagogi Guru	43
2.3.3	Model Sikap Pelajar	48
2.3.4	Model Teknologi Maklumat Komunikasi	52
2.4	Perbezaan Skor Min Berdasarkan Ciri Demografi	57
2.4.1	Perbezaan Skor Min Motivasi Belajar Berdasarkan Jantina	57
2.4.2	Perbezaan Skor Min Motivasi Belajar Berdasarkan Umur	66
2.4.3	Perbezaan Skor Min Motivasi Belajar Berdasarkan Tempat Tinggal	71
2.5	Pengaruh Antara Variable Kajian	79
2.5.1	Pengaruh Variabel Pedagogi Guru Terhadap Motivasi Belajar	80
2.5.2	Pengaruh Variabel Sikap Pelajar Terhadap Motivasi Belajar	89
2.5.3	Pengaruh Variabel Teknologi Maklumat Komunikasi Terhadap Motivasi Belajar	98
2.6	Pengaruh Elemen Variabel Kajian	108
2.6.1	Pengaruh Elemen Pedagogi Guru Terhadap Motivasi Belajar	108
2.6.2	Pengaruh Elemen Sikap Pelajar Terhadap Motivasi Belajar	134

2.6.3	Pengaruh Elemen Teknologi Maklumat Komunikasi Terhadap Motivasi Belajar	166
2.7	Motivasi Belajar	195
2.8	Kerangka Kajian	218
2.9	Rumusan	222
BAB 3: METODOLOGI KAJIAN		
3.1	Pengenalan	223
3.2	Reka Bentuk Kajian	223
3.3	Lokasi Kajian	226
3.4	Populasi Kajian	226
3.5	Sampel Kajian	228
3.6	Instrumen Kajian	233
3.7	Kesahan dan Kebolehpercayaan Instrumen Kajian	237
3.8	Kajian Rintis	239
3.8.1	Kebolehpercayaan <i>Alpha Cronbach</i>	239
3.8.2	Analisis Faktor	240
3.9	Tatacara Pemerolehan dan Pengumpulan Data	242
3.10	Penganalisan Data	244
3.10.1	Analisis Deskriptif	246
3.10.2	Analisis Inferens	247
3.11	Rumusan	255
BAB 4: DAPATAN KAJIAN		
4.1	Pengenalan	256
4.2	Pemerihalan Ciri Demografi Responden	257
4.3	Kadar Respons Responden	258
4.4	Analisis Data Statistik	260
4.5	Analisis Tahap Pedagogi Guru, Sikap Pelajar dan Teknologi Maklumat Komunikasi Terhadap Motivasi Belajar	261
4.6	Analisis Perbezaan Skor Min Motivasi Belajar Berdasarkan Ciri Demografi	262
4.6.1	Keputusan Analisis Ujian- <i>t</i> dan <i>ANOVA</i> Perbezaan Skor	262

	Min Motivasi Belajar Berdasarkan Ciri Demografi	
4.7	Keputusan Analisis Faktor Pengesahan (<i>CFA</i>) Setiap Elemen Variabel	266
4.7.1	Analisis Faktor Pengesahan (<i>CFA</i>) Untuk Variabel Pedagogi Guru	266
4.7.2	Analisis Faktor Pengesahan (<i>CFA</i>) Untuk Variabel Sikap Pelajar	270
4.7.3	Analisis Faktor Pengesahan (<i>CFA</i>) Untuk Teknologi Maklumat Komunikasi	273
4.7.4	Analisis Faktor Pengesahan (<i>CFA</i>) Untuk Motivasi Belajar	276
4.8	Keputusan Analisis Regresi Elemen Variabel Terhadap Motivasi Belajar	278
4.8.1	Keputusan Analisis Regresi Pedagogi Guru Elemen Strategi Pengajaran dan Alat Bantu Mengajar Terhadap Motivasi Belajar	278
4.8.2	Keputusan Analisis Regresi Sikap Pelajar Elemen Diri Pelajar, Rakan dan Persekitaran Terhadap Motivasi Belajar	280
4.8.3	Keputusan Analisis Regresi Teknologi Maklumat Komunikasi Elemen Komputer dan Internet Terhadap Motivasi Belajar	282
4.9	Keputusan Analisis Regresi Setiap Variabel Pedagogi Guru, Sikap Pelajar dan Teknologi Maklumat Komunikasi Terhadap Motivasi Belajar	285
4.10	Rumusan	291
BAB 5:	RUMUSAN, PERBINCANGAN DAN CADANGAN	292
5.1	Pengenalan	292
5.2	Analisis Tahap Pedagogi Guru, Sikap Pelajar, Teknologi Maklumat Komunikasi dan Motivasi Belajar	292
5.2.1	Pedagogi Guru	293
5.2.2	Sikap Pelajar	294
5.2.3	Teknologi Maklumat Komunikasi	294

5.2.4	Motivasi Belajar	295
5.3	Perbezaan Skor Min Motivasi Belajar Berdasarkan Ciri Demografi	295
5.3.1	Skor Min Motivasi Belajar Berdasarkan Ciri Demografi Jantina	297
5.3.2	Skor Min Motivasi Belajar Berdasarkan Ciri Demografi Umur	303
5.3.3	Skor Min Motivasi Belajar Berdasarkan Ciri Demografi Tempat Tinggal	308
5.4	Pengaruh Elemen Pedagogi Guru melibatkan Strategi Pengajaran dan Alat Bantu Mengajar Terhadap Motivasi Belajar	308
5.4.1	Pengaruh Elemen Pedagogi Guru Melibatkan Strategi Pengajaran Terhadap Motivasi Belajar	314
5.4.2	Pengaruh Elemen Pedagogi Guru Melibatkan Alat Bantu Mengajar Terhadap Motivasi Belajar	317
5.5	Pengaruh Elemen Sikap Pelajar Melibatkan Diri Pelajar, Rakan dan Persekitaran Terhadap Motivasi Belajar	317
5.5.1	Pengaruh Elemen Sikap Pelajar Melibatkan Diri Pelajar Terhadap Motivasi Belajar	317
5.5.2	Pengaruh Elemen Sikap Pelajar Melibatkan Rakan Terhadap Motivasi Belajar	323
5.5.3	Pengaruh Elemen Sikap Pelajar Melibatkan Persekitaran Terhadap Motivasi Belajar	326
5.6	Pengaruh Elemen Teknologi Maklumat Komunikasi Melibatkan Komputer dan Internet Terhadap Motivasi Belajar	331
5.6.1	Pengaruh Elemen Teknologi Maklumat Komunikasi Melibatkan Komputer Terhadap Motivasi Belajar	331
5.6.2	Pengaruh Elemen Teknologi Maklumat Komunikasi Melibatkan Internet Terhadap Motivasi Belajar	336
5.7	Pengaruh Variabel Pedagogi Guru, Sikap Pelajar dan Teknologi Maklumat Komunikasi Terhadap Motivasi Belajar	341
5.7.1	Pengaruh Pedagogi Guru Terhadap Motivasi Belajar	342
5.7.2	Pengaruh Sikap Pelajar Terhadap Motivasi Belajar	353
5.7.3	Pengaruh Teknologi Maklumat Komunikasi Terhadap	363

Motivasi Belajar

5.8	Implikasi Kajian	372
5.8.1	Implikasi Terhadap Teori dan Model	372
5.8.2	Implikasi Terhadap Penyelidikan	375
5.8.3	Implikasi Terhadap Pengamalan	376
5.9	Cadangan Kajian Masa Depan	380
5.10	Penutup	383

BIBLIOGRAFI	384
--------------------	-----

LAMPIRAN	420
-----------------	-----



UMS
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

SENARAI JADUAL

	Halaman
Jadual 3.1 : Populasi Kajian	227
Jadual 3.2 : Jadual Penentuan Saiz Sampel Krejcie dan Morgan	228
Jadual 3.3 : Jumlah Sampel Kajian	232
Jadual 3.4 : Kandungan Soal Selidik Kajian	234
Jadual 3.5 : Keputusan Kajian Rintis	240
Jadual 3.6 : Interpretasi Skor Min	246
Jadual 3.7 : Tiga Kategori Indeks Kesepadanan Serta Jenis Indeks Yang Diiktiraf	253
Jadual 4.1 : Bilangan Responden Mengikut Ciri Demografi (n=361)	257
Jadual 4.2 : Kadar Respons Responden Dalam Kalangan Pelajar Tingkatan Empat (n=361)	258
Jadual 4.3 : Tahap Pedagogi Guru, Sikap Pelajar dan Teknologi Maklumat Komunikasi dan Motivasi Belajar Mengikut Skor Min (n=361)	261
Jadual 4.4 : Perbezaan Skor Min Motivasi Belajar Berdasarkan Jantina	263
Jadual 4.5 : Perbezaan Skor Min Motivasi Belajar Berdasarkan Umur	264
Jadual 4.6 : Perbezaan Skor Min Motivasi Belajar Berdasarkan Tempat Tinggal Pelajar	265
Jadual 4.7 : Tiga Kategori Indeks Kesepadanan Serta Indeks Yang Diiktiraf	267
Jadual 4.8 : Penilaian Kenormalan Data Elemen Variabel Pedagogi Guru	267
Jadual 4.9 : Analisis Untuk Menentukan Kesahan Variabel Pedagogi Guru (<i>Construct Validity</i>)	268
Jadual 4.10 : Nilai <i>AVE</i> dan <i>CR</i> Untuk Variabel dan Elemen Variabel Pedagogi Guru	269
Jadual 4.11 : Penilaian Kenormalan Data Elemen Variabel Sikap Pelajar	270

Jadual 4.12	: Analisis Untuk Menentukan Kesahan Variabel Sikap Pelajar (<i>Construct Validity</i>)	271
Jadual 4.13	: Nilai <i>AVE</i> dan <i>CR</i> Untuk Variabel dan Elemen Variabel Sikap Pelajar	272
Jadual 4.14	: Penilaian Kenormalan Data Elemen Teknologi Maklumat Komunikasi	273
Jadual 4.15	: Analisis Untuk Menentukan Kesahan Variabel Teknologi Maklumat Komunikasi (<i>Construct Validity</i>)	274
Jadual 4.16	: Nilai <i>AVE</i> dan <i>CR</i> Untuk Variabel dan Elemen Variabel Teknologi Maklumat Komunikasi	275
Jadual 4.17	: Penilaian Kenormalan Data Variabel Motivasi Belajar	276
Jadual 4.18	: Analisis Untuk Menentukan Kesahan Variabel Motivasi Belajar (<i>Construct Validity</i>)	277
Jadual 4.19	: Nilai <i>AVE</i> dan <i>CR</i> Untuk Variabel dan Elemen Variabel Motivasi Belajar	278
Jadual 4.20	: Dapatan Nilai Regresi Pedagogi Guru Elemen Strategi Pengajaran dan Alat Bahan Mengajar Terhadap Motivasi Belajar	279
Jadual 4.21	: Pengujian Hipotesis Regresi Pedagog Guru Elemen Strategi Pengajaran dan Alat Bahan Mengajar Terhadap Motivasi Belajar	279
Jadual 4.22	: Kesan Reflektif Pedagogi Guru Ke atas Strategi Pengajaran dan Alat Bantu Mengajar Terhadap Motivasi Belajar	279
Jadual 4.23	: Dapatan Nilai Regresi Sikap Pelajar Elemen Diri Pelajar, Rakan dan Persekitaran Terhadap Motivasi Belajar	281
Jadual 4.24	: Pengujian Hipotesis Regresi Sikap Pelajar Elemen Diri Pelajar, Rakan dan Persekitaran Terhadap Motivasi Belajar	281
Jadual 4.25	: Kesan Reflektif Sikap Pelajar Ke atas Diri Pelajar, Rakan dan Persekitaran Terhadap Motivasi Belajar	281

Jadual 4.26	:	Dapatan Nilai Regresi Teknologi Maklumat Komunikasi Elemen Komputer dan Internet Terhadap Motivasi Belajar	283
Jadual 4.27	:	Pengujian Hipotesis Regresi Teknologi Maklumat Komunikasi Elemen Komputer dan Internet Terhadap Motivasi Belajar	283
Jadual 4.28	:	Kesan Reflektif Teknologi Maklumat Komunikasi Ke atas Komputer dan Internet Terhadap Motivasi Belajar	283
Jadual 4.29	:	Nilai Indeks Kesepadanan Model Untuk Tuga Kategori Kesepadanan	285
Jadual 4.30	:	Nilai Pemberat Faktor, Kebolehpercayaan Komposit dan Kesahan Menumpu Untuk Pedagogi Guru, Sikap Pelajar, Teknologi Maklumat Komunikasi dan Motivasi Belajar	285
Jadual 4.31	:	Ringkasan Indeks Kesahan Diskrimina Setiap Variabel	287
Jadual 4.32	:	Keputusan Hipotesis Variabel Pedagogi Guru, Sikap Pelajar dan Teknologi Maklumat Komunikasi Terhadap Motivasi Belajar	288
Jadual 4.33	:	Pengujian Hipotesis Regresi Variabel Pedagogi Guru, Sikap Pelajar dan Teknologi Maklumat Komunikasi Terhadap Motivasi Belajar	288

SENARAI RAJAH

	Halaman
Rajah 2.1 : Model Motivasi Belajar	40
Rajah 2.2 : Model Pedagogi Guru	44
Rajah 2.3 : Model Sikap Pelajar	48
Rajah 2.4 : Model Teknologi Maklumat Komunikasi	53
Rajah 2.5 : Model Konseptual Pengaruh Variabel Kajian	221
Rajah 4.1 : Model Regresi Pedagogi Guru Elemen Strategi Pengajaran dan Alat Bahan Mengajar Terhadap Motivasi Belajar	280
Rajah 4.2 : Model Regresi Sikap Pelajar Elemen Diri Pelajar, Rakan dan Persekitaran Terhadap Motivasi Belajar	282
Rajah 4.3 : Model Regresi Teknologi Maklumat Komunikasi Elemen Komputer dan Internet Terhadap Motivasi Belajar	284
Rajah 4.4 : Semua Variabel Dimasukkan Ke Dalam Model Berstruktur Untuk Dianalisis	289
Rajah 4.5 : Model Persamaan Struktur Semua Variabel Terhadap Motivasi Belajar	290

SENARAI SINGKATAN

ABM	-	Alat Bantu Mengajar
ANOVA	-	<i>Analisis Varians</i>
Bil.	-	Bilangan
BPPDP	-	Bahagian Perancangan dan Penyelidikan Dasar Pendidikan
EMiS	-	<i>Education Management information System</i>
FROG VLE	-	<i>Frog Virtual Learning Environment</i>
GPS	-	Gred Purata Sekolah
HES	-	<i>High Education Sesytem</i>
IT	-	InformasiTeknologi
IPTA	-	InstitutPengajian Tinggi Awam
IPTS	-	InstitutPengajian Tinggi Swasta
JAIS	-	Jabatan Agama Islam Selangor
JPNS	-	JabatanPelajaranNegeri Sabah
JPNS	-	JabatanPelajaranNegeri Selangor
KBAT	-	KemahiranBerfikir Aras Tinggi
KMO	-	<i>Kaiser-Meyer-Olkin</i>
KPM	-	Kementerian Pelajaran Malaysia
KWSP	-	Kumpulan Wang Simpanan Pekerja
PAM	-	Perisian Asas Membaca
PIBG	-	Persatuan Ibu Bapa dan Guru
PIPP	-	Pelan Induk Pembangunan Pendidikan
PJK	-	Pendidikan Jasmani Kesihatan
PMR	-	Penilaian Menengah Rendah
PPD	-	Pejabat Pendidikan Daerah
PPG	-	Pejabat Pelajaran Gabungan
PPK	-	Pengetahuan Pedagogi Kandungan
RP	-	Rancangan Pengajaran
SBP	-	Sekolah Berasrama Penuh
SMK	-	Sekolah Menengah Kebangsaan
SMKA	-	Sekolah Menengah Kebangsaan Agama
SPI	-	Surat Pekeliling Ikhtisas
SPM	-	Sijil Pelajaran Malaysia
SPSS	-	<i>Statistical Package For Social Science</i>
STPM	-	Sijil Tinggi Persekolahan Malaysia
UEM	-	UjianKefahamanKeelektromagnetan
UTM	-	UniversitiTeknologi Malaysia
UiTM	-	UniversitiTeknologi Mara
UPIKMPF	-	UjianPenilaian Isi Kandungan Mata PelajaranFizik
VLE	-	<i>View Learning Environment</i>

SENARAI LAMPIRAN

	Halaman
Lampiran A : Soal Selidik	420
Lampiran B : Semakan Pakar	427
Lampiran C : Pecahan Responden Mengikut Kaum Bukan Bumiputera	429



UMS
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

BAB1

PENDAHULUAN

1.1 Pengenalan

Cabaran pembudayaan ilmu pengetahuan yang dihadapi dalam bidang pendidikan pada abad ke-21 jauh lebih rumit berbanding sebelumnya kerana harapan masyarakat terhadap pendidikan pelajar menjadi semakin kompleks. Cabaran tersebut perlu ditangani melalui pengurusan pendidikan yang menggerakkan budaya belajar dan membaca (Abdul Ghani dan Tang, 2006). Namun demikian, kebanyakan pelajar leka dalam pembelajarannya dan kurang motivasi belajar.

Kelemahan ini mungkin ada kaitan dengan pedagogi guru dan kegagalan guru mengambil kira sikap pembelajaran pelajar. Menurut Dunn dan Dunn (1993), setiap individu mempunyai sikap pembelajaran tertentu. Oleh itu, guru perlu didedahkan kepada pengetahuan tentang cara menyesuaikan sikap pembelajaran pelajar dengan pedagogi guru agar dapat meningkatkan motivasi belajar. Oleh itu pengetahuan tentang sikap pelajar penting bagi guru untuk memilih pendekatan pengajaran sesuai dan penyertaan pelajar secara aktif (Grasha, 1996). Begitu juga era globalisasi telah banyak membawa perubahan terhadap sistem pendidikan negara sehingga memberi kesan terhadap motivasi belajar (Arifin dan Robiah, 2002). Mohamed Awang (2004) meramalkan negara Malaysia akan diubah oleh internet. Masyarakat Malaysia dalam era baru abad 21 mestilah menjadi 'Masyarakat Belajar' (Awang, 1993).

Pada dasarnya, sekolah harus mencari jalan penyelesaian terhadap motivasi belajar pelajar (Jamil, 2002). Dalam konteks ini, sekolah harus merancang dan melaksanakan pelbagai strategi pengajaran yang menarik, aplikasi teknologi

maklumat komunikasi dan bersedia memperbaiki kelemahan untuk peningkatan pembelajaran pelajar pada abad ke-21 yang lebih menekankan kepada konsep pembelajaran maya dan motivasi belajar (Othman, 2000). Sehubungan itu, pedagogi guru, sikap pelajar dan teknologi maklumat komunikasi terhadap motivasi belajar begitu penting untuk diberi perhatian yang sewajarnya.

1.2 Latar Belakang Kajian

Kementerian Pelajaran Malaysia (KPM) sentiasa berusaha untuk menyediakan perkhidmatan pendidikan terbaik dan berkualiti demi membangunkan generasi masa depan Malaysia yang dinamik dan progresif (Perutusan Menteri Pelajaran, 2001). KPM juga memberi penekanan kepada perkembangan kemahiran membaca dan kemahiran generik. Fenomena ini adalah untuk melahirkan golongan pelajar yang sentiasa ingin belajar dan membaca sehingga berkeupayaan mengikuti pelajaran di sekolah dan di rumah (Pusat Perkembangan Kurikulum, 2001).

Sehubungan itu pelbagai program galakan membaca telah diperkenalkan sebagai langkah untuk meningkatkan motivasi belajar pelajar. Program Gerakan Tabiat Membaca merupakan aktiviti utama KPM. Program ini bertujuan membina tabiat membaca dalam kalangan pelajar sekolah seterusnya dapat meningkatkan motivasi belajar dalam diri pelajar. Aktiviti utama yang dilaksanakan dalam Program ini ialah Kem Membaca Satu Malaysia yang dilaksanakan mulai 26 Oktober hingga 5 November 2009. Majlis Pelancaran telah diadakan di Sekolah Wawasan Subang Jaya, Selangor (JPNS, 2009). Program ini diwujudkan untuk meningkatkan motivasi belajar pelajar. Hal ini merupakan satu usaha murni KPM yang patut dipuji untuk meningkatkan motivasi belajar pelajar dan pelajar seharusnya mengambil peluang pembelajaran yang disediakan.

Gerakan membaca yang diperkenalkan adalah sesuatu yang memberi peluang pembelajaran pelajar tetapi perkara yang menghampakan telah berlaku apabila perkara tersebut tidak diambil peduli oleh sebahagian besar pelajar yang bersikap sambil lewa terhadap gerakan membaca yang dilaksanakan (JPNS,2009).

Secara tidak langsung sikap seumpama ini boleh menjadi satu wahana kepada motivasi belajar pelajar. Program Tabiat Membaca yang diperkenalkan oleh Kementerian Pelajaran Malaysia didapati tidak memberi impak yang besar dalam meningkatkan motivasi belajar pelajar (JPNS, 2009). Perkara ini perlu dipandang secara serius supaya motivasi belajar dijadikan sebagai satu amalan dalam kehidupan pelajar.

Isu motivasi belajar yang kurang menggalakkan dalam kalangan pelajar mempunyai kaitan dengan pedagogi guru yang melibatkan strategi pengajaran dan bahan pengajaran guru. Seseorang guru perlu menguasai pelbagai bidang, mengikuti perkembangan dasar dan isu-isu pendidikan, mahir dalam pedagogi pengajaran dan pembelajaran, menggunakan teknologi terkini dan menerapkan nilai-nilai murni (Yuslaini Yunus, 2012). Pengajaran guru juga perlu memahami keupayaan pelajar terhadap motivasi belajar dengan meneroka isu-isu keadilan dan moral (Good dan Brophy, 2003).

Guru seharusnya menekankan kepada aplikasi teknologi maklumat komunikasi dalam motivasi belajar pelajar menerusi keberkesanan pelaksanaan proses pengajaran dan pembelajaran di sekolah. Guru merupakan input pengajaran yang amat penting untuk memberi motivasi, minat dan sikap belajar kepada pelajar dalam menentukan tahap pencapaian pelajar dalam pelajaran (Rosnani Hashim, 2013). Peranan guru amat penting dalam mendorong pembelajaran berasaskan teknologi maklumat komunikasi bagi menangani masalah motivasi belajar pelajar yang lemah. Tegasnya, guru memainkan peranan penting dalam merealisasikan matlamat dan misi pembangunan pendidikan negara yang bertaraf dunia dan menjadi pusat kecemerlangan pendidikan. Oleh itu, seseorang guru perlu memiliki kekuatan dan ketangkasan minda untuk kecemerlangan kerjaya seorang guru. perubahan-perubahan yang pantas dalam pelbagai bidang merupakan cabaran yang perlu dihadapi oleh generasi kini dan lebih hebat serta kritikal dengan sumbangan teknologi baharu (Yuslaini Yunus, 2012). Pengajaran guru juga perlu memahami keupayaan pelajar menggunakan teknologi maklumat komunikasi dalam motivasi belajar dengan meneroka isu-isu keadilan dan moral (Good dan Brophy, 2003). Justeru, pengajaran berkesan dan menyeronokkan menggunakan medium

teknologi maklumat komunikasi merupakan faktor kuat dalam usaha mewujudkan motivasi belajar dalam kalangan pelajar.

Begitu juga kekurangan menghadiri latihan dan kursus berkaitan pemantapan pedagogi guru dalam kalangan guru di Sabah perlu diberi perhatian serius kerana latihan dan kursus berfungsi sebagai platform yang membolehkan guru mendapatkan pengetahuan dan kemahiran mengajar dan seterusnya membantu meningkatkan motivasi belajar pelajar. Program seumpama itu juga dianggap komponen kritikal dalam membentuk guru yang berkelayakan tinggi dan beriltizam (Amin, 2005). Groundwater-Smith *et al.*, (2007) menjelaskan guru perlu sentiasa membaca untuk menambah baik kualiti pengajaran dan pembelajaran di bilik darjah. Hal ini hanya akan berlaku jika guru melibatkan diri dengan program pembangunan profesionalisme yang dapat membina sikap, pengetahuan, kemahiran dan kefahaman mereka. Menerusi latihan yang baik, guru akan menjadi lebih profesional dalam tugas mereka. Lantaran itu, pembangunan profesional keguruan wajar diberi perhatian yang serius (Moriarty dan Gray, 2003) bagi meningkatkan pedagogi guru.

Konsep pembelajaran yang berorientasikan peperiksaan telah menjejaskan usaha pemupukan motivasi belajar secara berterusan. Walaupun dasar sekolah yang berorientasikan peperiksaan memberi peluang pembelajaran kepada pelajar tetapi sebenarnya telah menjejaskan motivasi belajar secara berterusan dalam kalangan pelajar. Keutamaan tinggi yang diberikan oleh sekolah kepada peperiksaan berbanding aspek lain dalam pendidikan menyebabkan guru berusaha untuk menghabiskan sukatan pelajaran dan kurang menggalakkan pelajar berbincang dalam kelas (KPM, 2002) dan menguasai kemahiran asas pembelajaran sehingga menyebabkan pelajar berasa bosan dan hilang minat untuk belajar (BPPDP, 1996). Keadaan ini menyebabkan pelajar hanya belajar untuk lulus dalam peperiksaan sahaja dan tidak menjadikan pembelajaran itu sebagai satu budaya. Hal ini menyebabkan motivasi belajar tidak dapat dibentuk dalam diri pelajar secara berterusan. Pelajar juga hanya melakukan proses pembelajaran dalam kelas untuk lulus dalam peperiksaan sahaja. Motivasi belajar seharusnya menjadi amalan demi meningkatkan pembangunan intelektual pelajar dan masyarakat.